

MAHATHIR-EKONOMI

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 PAGI: 25 MEI)

1984

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERTANYA KEPADA UMAT ISLAM NEGARA INI APAKAH MEREKA BENAR-BENAR MAHU BAHAGIAN MEREKA DALAM EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA SOAL INI PERLU DITANYA KERANA BARU-BARU INI SOAL +HALAL-HARAM+ SKIM ANANAH SAHAM NASIONAL (ASN) YANG DIBENTUK SEBAGAI JENTERA UNTUK MEMELIHARA KEPENTINGAN EKONOMI BUMIPUTERA, ORANG MELAYU DAN ORANG ISLAM TELAH DIBANGKITKAN SEMULA OLEH ORANG-ORANG YANG BERKEPENTINGAN.

MELALUI ASN, KATANYA, UMAT ISLAM AKAN DAPAT MENGUASAI SEBAHAGIAN IAITU 30 PERATUS DARIPADA EKONOMI NEGARA DAN EKONOMI YANG DIMAKSUDKAN IALAH EKONOMI MODEN.

BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-35 DI HOTEL HILTON DI SINI DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN PARTI MENGINGATKAN UMAT ISLAM BAHAWA JEKA MEREKA MAHU MENUNGGU SEHINGGA SISTEM ISLAM MENGUASAI SELURUH EKONOMI NEGARA ANGKA 30 PERATUS TIDAK AKAN TERCAFAI PADA TAHUN 1990.

+MUNGKIN KITA TERPAKSA MENUNGGU 100 TAHUN ATAU 200 TAHUN ATAU LEBIH. MUNGKIN PULA KERANA GAGAL MENCAPAI 30 PERATUS PADA TAHUN 1990, KITA TIDAK DAPAT MEMPENGARUHI DENGAN BERKESAN EKONOMI, JAUH SEKALI MENGEMBANGKAN SISTEM EKONOMI ISLAM,+ KATANYA.

-- LAGI 0830/WB

2020-0510

MAHATHIR-EKONOMI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA EKONOMI DUNIA DI ZAMAN MODEN INI BUKAN DIBENTUK DAN DIUSAHAKAN OLEH ORANG ISLAM DAN OLEH ITU EKONOMI MODEN TENTU MEMPUYAI UNSUR-UNSUR YANG MUNGKIN BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM, YANG TELAH DICAMPUR-ADUKKAN DENGAN CARA-CARA SERTA KEGIATAN YANG BOLEH DITERIMA OLEH ISLAM.

ADAKALANYA YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM DAPAT DIASINGKAN DARIPADA UNSUR YANG DIIZINKAN TETAPI KERAPKALI PENGASINGAN ITU TIDAK DAPAT DIBUAT TERUTAMA JIKA UMAT ISLAM SENDIRI SENGAJA Mencari unsur-unsur yang tidak secocok dengan Islam, KATANYA.

BELIAU BERKATA BEGITULAH PENCEMARAN YANG BERLAKU SEHINGGA ADA UMAT ISLAM TIDAK MUNGKIN MENGAMALKAN SEBARANG IBADAT TANPA TERLIBAT SECARA TIDAK LANGSUNG SEKURANG-KURANGNYA DENGAN SOAL +HALAL-HARAM,+ +KAIN YANG DIPAKAI WAKTU SEMBAHYANG, KAPAL ATAU KAPALTERBANG YANG DIGUNAKAN UNTUK IBADAT HAJI, KURMA YANG DIMAKAN PADA BULAN PUASA, BAHKAN FITRAH YANG DIBAYAR SEDIKIT SEBANYAK TERLIBAT DENGAN SISTEM BANK PERDAGANGAN.

+CUMA MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAT SAHAJA YANG MUNGKIN TIDAK MELIBATKAN BANK DAN LAIN-LAIN PERNIAGAAN YANG DIRAGUI OLEH MEREKA INGIN DIKENALI SEBAGAI MUSLIM TULEN YANG KONONNYA TIDAK PERNAH AR KEISLAMAN MEREKA,+ KATANYA

MAHATHIR-EKONOMI 6 KUALA LUMPUR

+JIKA BADAN-BADAN INI DIHARAMKAN KITA TIDAK MUNGKIN MENDAPAT SATU PERATUSPUN DARI EKONOMI NEGARA, LEBIH-LEBIH LAGI JIKA BANK ISLAM TIDAK MAHU DITERIMA.

+JIKA INI BERLAKU ORANG ISLAM AKAN LUMPUH SAMA SEKALI. JAUH DARIPADA MENGATASI KEJEMASAN, MEREKA AKAN BERGELUMANG DALAM LEMBAH KEHINAAN YANG AKAN MENGANCAM KEIMANAN MEREKA, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TERPULANGLAH KEPADA UMAT ISLAM SENDIRI UNTUK MEMILIH SAMADA MEREKA MAHU MEMBANTU DIRI SENDIRI ATAU MENJADI HIPOKRIT YANG SANGGUP BERTINDAK CUMA KERANA POLITIK PARTI DAN BERPURA-PURA DENGAN KEISLAMAN MEREKA.

BELIAU BAGAIMANAPUN YAKIN UMNO DAN ANGGOTA-ANGGOTANYA AKAN BERPEGANG KEPADA ISLAM DAN MENJAYAKAN PENGANUTNYA SECARA ISLAM.

+RUPA BENTUK ISLAM BUKANLAH UNTUK KITA. BAGI KITA ISI KANDUNGAN ADALAH LEBIH PENTING DAN AMALANNYA, + TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN BAHAWA SESIAPA YANG CUBA MENGAGALKAN ASN MENGKHIANATI USAHA PEMELIHARAAN DAN PEMBANGUNAN ORANG ISLAM DI NEGARA INI DAN MEREKA AKAN DITENTANG HABIS-HABISAN. -- BERNAMA 0850/MB

MAHATHIR-EKONOMI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI NEGARA INI, ADA YANG MENDAKWA MEREKA MENJALANKAN PERNIAGAAN MENGIKUT AJARAN ISLAM DAN OLEH ITU PERNIAGAAN MEREKA ITU MESTILAH DISOKONG OLEH SEMUA ORANG ISLAM.

BAHKAN ADA YANG MENYATAKAN BAHAWA ORANG ISLAM TIDAK BOLEH MEMBELI BARANGAN SELAIN YANG DIJUAL OLEH ORANG ISLAM, KATANYA.

+MAKA TERDAPATLAH BARANG YANG MENJUAL MI ISLAM YANG DIBUAT OLEH MEREKA. TETAPI SUNGGHPUN MI ITU DIBUAT OLEH ORANG ISLAM, TEPUNG DIBELI DARIPADA ORANG BUKAN ISLAM, BAHKAN DITANAM (GANDUM), DIIMPORT DAN DIJUAL DENGAN PEMBIAYAAN BANK PERDAGANGAN BUKAN ISLAM. +

PERDANA MENTERI BERKATA PEMBUATAN DAN PENJUALAN BARANG OLEH ORANG ISLAM PATUT DISOKONG OLEH ORANG ISLAM TETAPI JANGANLAH GUNAKAN ISLAM SEBAGAI IKLAN, TERUTAMA APABILA CAKWAAN YANG DIBUAT TIDAK BENAR.

+PERBUATAN SEDEMIKIAN MENGHINA ISLAM DAN MENJADIKANNYA BAHAN GELAK KETAWA ORANG LAIN, + TEGASNYA.

BELIAU MENEGASKAN ISLAM MEMANG ADA LARANGAN BAGI UMATNYA DALAM SOAL MAKAN-MINUM, PAKAIAN, KEGIATAN SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK YANG MUDAH DIAMALKAN. -- LAGI 0538/MB

ZCZC 0512

MAHATHIR-EKONOMI 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA BAGAIMANAPUN ORANG-ORANG YANG BERTOPENGGAN ISLAM TIDAK PUASHATI DENGAN LARANGAN-LARANGAN INI SAJA DAN MEREKA MENCIPTA DAN Mencari BERMACAM-MACAM LAGI LARANGAN LAIN SEHINGGA MEMBUAT TAKRIF DAN TAFSIRAN SENDIRI.

DI SAMPING ITU MEREKA MENJADIKAN YANG SUMAT ITU WAJIB, YANG HARUS MENJADI SUNAT DAN YANG WAJIB DIKEMUDIANKAN DAN PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DILARANG DIJADIKAN HARAM.

+TETAPI YANG ANEHNYA BAGI ORANG-ORANG INI YANG WAJIB DIKETEPIKAN. MEREKA TIDAK MENGAMBIL BERAT SOAL PERPADUAN UMMAT, JAUH SEKALI PERSAUDARAAN DALAM ISLAM.

+MEREKA TIDAK SEGAN-SEGAN BERBOHONG MENGENAI AGAMA, MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM, MENYALAH TAFSIR, MEMILIH AYAT ALQURAN, HADIS DAN SUNNAH NABI YANG SECOCOK DENGAN DAKWAAN MEREKA SAHAJA DAN LAIN-LAIN KEGIATAN YANG DILARANG OLEH AGAMA.

+MEREKA MENJUAL AYAT-AYAT ALQURAN DENGAN MURAH, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SISTEM EKONOMI MODEN YANG DIBENTUK DAN DIKEMBANGKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM SUNGGUH BERKESAN SEHINGGA SELURUH DUNIA TERPAKSA MENGGUNAKANNYA DAN ORANG-ISLAM SENDIRI TIDAK DAPAT MENGELAK DARIPADA MENGGUNAKANNYA.

JIKA ORANG ISLAM CUSA MENGELAK SEBELUM SISTEM ISLAM DIKEMBANGKAN AKIBATNYA MEREKA, KATANYA, AKAN DIJAJAH OLEH PENGAMAL SISTEM EKONOMI DUNIA SEKARANG DAN JIKA DIJAJAH, SISTEM EKONOMI ISLAM TIDAK MUNGKIN KEMBANG DAN MAJU. -- LAGI 0842/MB

ZCZC 0513

MAHATHIR-EKONOMI 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM MESTILAH TAHU MENYUSUN LANGKAH DAN MENGGUNAKAN SISTEM ORANG LAIN DAHULU JIKA MEREKA MAHU MEMAJUKAN SISTEM EKONOMI ISLAM.

SISTEM ISLAM, KATANYA, ADALAH PRAKTIKAL. YANG MENGGAGALKAN SISTEM ISLAM BUKAN AGAMA ISLAM TETAPI TINDAKAN BUTA-TULI PENGANUT-PENGANUTNYA, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA UMAT ISLAM DI NEGARA INI MASIH BERADA DALAM KEADAAN CEMAS KERANA MEREKA LEMAH DALAM BIDANG EKONOMI DAN DALAM KECEMASAN ATAU DARURAT BANYAK TINDAKAN YANG DIIZINKAN OLEH AGAMA ISLAM.

+DAGING BABI SEKALIPUN BOLEH DIMAKAN JIKA PERBUATAN ITU SAJA YANG BOLEH MENYELAMTKAN NYAWA SESEORANG ISLAM. ADA PEMIMPIN SEBUAH PARTI BARU-BARU INI BERKATA RIBA DIIZINKAN DALAM DARURAT.

+MEREKA TAHUPUN AJARAN ISLAM TETAPI KELONGGARAN INI MEREKA GUNAKAN UNTUK KEPENTINGAN POLITIK KERANA TIDAK MENGAKUI BANK ISLAM DAN BUKAN KERANA DARURAT, + KATANYA.

BELIAU MENINGGATKAN UMAT ISLAM BAHAWA HASIL PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH BADAN-BADAN SEPERTI ASN, PERNAS DAN PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI SERI MEREKA KINI MENGUASAI 18 PERATUS DARIPADA EKONOMI NEGARA.

LAGI 0846/MB